

# **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' HAJI ROSOL WAHID  
TIMBALAN MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN MYDIN KE- 65  
&  
PELANCARAN KEMPEN BELI BARANGAN  
MALAYSIA 2022**

**18 OGOS 2022 | KHAMIS | 2.30 PETANG**

**PENTAS UTAMA, MYDIN SEREMBAN 2, NEGERI  
SEMBILAN**

## **SALUTASI**

- 1. YANG BERBAHAGIA DATUK WIRA (DR.) AMEER ALI MYDIN**  
PENGARAH URUSAN MYDIN MOHAMED HOLDINGS BERHAD
  
- 2. YANG BERBAHAGIA DATO ROHAIZI BIN BAHARI**  
PENGARAH KANAN SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN DAN PERNIAGAAN KPDNHEP
  
- 3. YANG BERUSAHA TUAN ARIS BIN MAMAT**  
TIMBALAN PENGARAH PENGUATKUASAAN (PENGURUSAN) KPDNHEP
  
- 4. YANG BERUSAHA ENCIK ABD MUIS BIN SAMSUDIN**  
TIMBALAN PENGARAH KPDNHEP NEGERI SEMBILAN
  
5. BARISAN AHLI LEMBAGA MYDIN MOHAMED HOLDINGS BERHAD (MYDIN)
  
6. DIF-DIF JEMPUTAN, RAKAN-RAKAN STRATEGIK DAN PEMBEKAL MYDIN
  
7. RAKAN-RAKAN MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK
  
8. DAN SETERUSNYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA KASIHI SEKALIAN

1. Terlebih dahulu, ingin saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita semua bersama dalam majlis di MYDIN Seremban 2 pada petang ini, bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun MYDIN ke-65 dan Pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia tahun 2022.
2. Saya ingin memulakan ucapan ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada MYDIN kerana kekal sebagai pasar raya 'one stop centre' yang cukup dekat di hati masyarakat sepanjang tempoh 65 tahun ini.
3. Sambutan Ulang Tahun MYDIN ke-65 yang bertemakan "Bersama Keluarga Malaysia" adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk menyantuni rakyat yang terkesan akibat tekanan ekonomi dan inflasi yang berlaku secara global, terutama di saat ekonomi kita sedang mulai pulih daripada cabaran pandemik Covid-19.
4. Kami di Kementerian juga amat berbangga dengan usaha MYDIN yang dilihat sangat peka dengan keperluan Keluarga Malaysia pada masa ini dengan membantu menerusi tawaran jualan barangan pada harga yang amat kompetitif dan berpatutan setiap hari. MYDIN juga aktif

membantu masyarakat melalui program tanggungjawab sosial korporat, MYDIN Prihatin.

5. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada rakan-rakan strategik kempen ini yang difahamkan banyak menawarkan diskaun istimewa untuk semua pelanggan MYDIN. Ini akan dapat membantu mereka merancang perbelanjaan dan memanfaatkan penjimatan menerusi potongan harga barangan yang ditawarkan. Sebagaimana tema sambutan Hari Kebangsaan kita pada tahun ini, Keluarga Malaysia, Teguh Bersama, begitulah dapat digambarkan inisiatif MYDIN dan rakan-rakan strategik kerana tanpa kebersamaan dan kesepakatan, usaha ini tidak akan dapat dijayakan.

**Hadirin sekalian,**

6. Tidak dinafikan, kenaikan harga barangan yang berlaku secara global telah meresahkan rakyat terutamanya mereka yang berada dalam kumpulan B40. Kerajaan sedar akan permasalahan ini dan agresif melaksanakan pelbagai usaha dan solusi untuk membantu meringankan bebanan rakyat.

7. KPDNHEP sendiri sentiasa duduk semeja dengan pemain industri khususnya dengan Datuk Ameer sendiri bagi membincangkan permasalahan dan isu-isu berbangkit yang melibatkan bekalan dan harga barangan. KPDNHEP sentiasa membuka pintu bagi mendengar dan menyelesaikan isu-isu rakyat dan pemain industri yang menjadi nadi kepada ekonomi negara.
  
8. Saya pasti ramai di kalangan kita di sini sering mendengar atau biasa membeli barangan di Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang menawarkan barangan pada harga sehingga 20 peratus lebih rendah daripada biasa. Suka saya kongsi di sini, MYDIN adalah antara pemain industri yang aktif menganjurkan PJKM bersama KPDNHEP di cawangan MYDIN di seluruh negara sejak ia mula dilaksanakan pada 2 Disember 2021.
  
9. Tiada lain sudah tentu dengan matlamat untuk membolehkan rakyat berbelanja dengan harga yang lebih rendah. Mulai minggu ini PJKM akan dijenamakan semula sebagai Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM). Jika sebelum ini PJKM diterajui secara tunggal oleh KPDNHEP dan diadakan di semua 222 kawasan Parlimen seluruh negara, kali ini JMKM diperluaskan ke 600 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh

negara dan 13 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dengan agensi pelaksana turut melibatkan empat lagi kementerian lain.

10. Saya berharap MYDIN dan pemain sektor peruncitan lain dapat terus memberi kerjasama terbaik bagi menjayakan JMKM ini.

**Hadirin sekalian,**

11. Sebagaimana saya sebutkan di awal tadi, selain meraikan sambutan ulang tahun MYDIN, hari ini kita akan turut menyaksikan perasmian Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM). Sejarah KBBM ini telah bermula sejak dari tahun 1984 dan pada mulanya, program ini dikenali sebagai Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia. KPDNHEP pada tahun 2009 telah mengorak langkah dengan menjenamakan semula program ini kepada Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang masih kekal digunakan sehingga kini.

12. Sejak dari awal penubuhan KBBM, ia telah menjadi hasrat nurani KPDNHEP untuk membantu para pengusaha tempatan terutama daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam memasarkan produk dan

perkhidmatan mereka ke peringkat yang lebih tinggi dan luas lagi.

13. Seperti hadirin sedia maklum, bukanlah mudah untuk pengusaha tempatan bersaing dengan jenama gergasi luar yang sudah pastinya mempunyai kekuatan dan tarikan tersendiri serta pelaburan modal yang lebih besar daripada pengusaha tempatan.
14. Oleh itu, KPDNHEP sangat mendukung usaha untuk membantu memartabatkan jenama tempatan dan kempen KBBM ini menjadi kesinambungan sinergi antara kerajaan, pengusaha tempatan dan peruncit dalam menzahirkan usaha murni ini.
15. KBBM juga menjadi platform terbaik untuk Kementerian menggalakkan pembelian produk keluaran tempatan, menyemarakkan semangat patriotisma di kalangan pengguna serta memperhebatkan sokongan untuk pengusaha terus mengeluarkan produk berkualiti dan mampu menembusi pasaran antarabangsa. Alhamdulillah, sudah banyak produk jenama tempatan bukan sahaja berjaya memasuki pasar raya besar, tetapi juga mendapat tempat di pasaran global antaranya seperti aiskrim Pop Malaya keluaran syarikat Doluvo Sdn Bhd yang telah

melebarkan sayap ke Arab Saudi dan negara Timur Tengah, Tishas Food Manufacturing Sdn Bhd yang popular dengan makanan sejuk beku yang telah meneroka pasaran Singapura dan syarikat Iranoah Pit yang berjaya mengeksport produk daging burger berasaskan tumbuhan ke Singapura dan Jepun.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

16. Bagi membantu mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara pada tahun ini, KPDNHEP mengambil langkah drastik memperkasakan kempen KBBM 2022 dan ianya amat signifikan dalam mengimbangi cabaran dan tekanan ekonomi semasa yang dihadapi negara ketika ini.
17. Kesudian MYDIN bersama-sama membantu mempromosikan produk tempatan telah memberikan keyakinan kepada pengusaha untuk bersaing dengan lebih agresif dengan jenama gergasi luar, kerana seperti yang hadirin sedia maklum, MYDIN merupakan rangkaian pasar raya yang sangat dekat di hati Keluarga Malaysia dan di MYDIN lah Keluarga Malaysia berbelanja.
18. Kami di KPDNHEP merakamkan ucapan terima kasih kepada MYDIN di atas komitmen dan usaha sama



menjayakan kempen KBBM selama ini. Dengan sokongan bantuan promosi dan ruang niaga kondusif yang tersedia di MYDIN, ia telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan jenama tempatan untuk berdiri sama tinggi dengan jenama ternama lain di pasaran.

**19. Dengan perkembangan pemulihan ekonomi yang semakin rancak ketika ini, Kementerian menyasarkan peningkatan sebanyak 2.5% nilai jualan bagi tahun 2022, berbanding RM3.2 bilion nilai jualan produk jenama tempatan menerusi KBBM pada tahun 2021. Dengan promosi berterusan KBBM, Kementerian yakin ia akan dapat melonjakkan permintaan barangan tempatan di dalam pasaran. Sokonglah produk tempatan kerana #barangbaikbarangkita.**

20. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat sama dalam menjayakan Kempen Beli Barang Malaysia 2022.

21. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi menzahirkan setinggi penghargaan buat MYDIN kerana sudi bekerjasama dalam menjayakan KBBM 2022 dan ucapan tahniah buat MYDIN kerana telah berjaya bertahan

sehingga 65 tahun dengan 62 rangkaian pasar raya di seluruh negara. Semoga MYDIN akan terus sukses dan dapat bersama dengan kerajaan untuk berkongsi kemakmuran kepada Keluarga Malaysia.

22. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan **Sambutan Ulang Tahun MYDIN ke-65 dan Kempen Beli Barangan Malaysia tahun 2022.**

23. Sekian, terima kasih.